

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran perbelanjaan dan peruntukan yang diberi untuk tujuan pembangunan di Sabah yang akan dipotong selepas pengumuman Perdana Menteri mengenai penstrukturan Bajet 2015. Nyatakan apa-apa rancangan yang akan dibatalkan di Sabah.

JAWAPAN

Semakan semula Bajet 2015 sebanyak RM5.5 bilion hanya melibatkan pengurangan Perbelanjaan Mengurus sahaja. Rasionalisasi perbelanjaan ini tidak melibatkan Perbelanjaan Pembangunan bagi memastikan agenda pembangunan negara tidak terjejas. Oleh itu, peruntukan untuk projek-

projek pembangunan bagi Bajet 2015 adalah kekal seperti yang telah diluluskan bagi semua negeri termasuk negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan bangunan letak kenderaan di Taman Foh Sang, Luyang. Selain itu, nyatakan status pembinaan tempat letak kenderaan di depan Klinik Kesihatan Luyang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi pembinaan bangunan letak kenderaan di Taman Foh Sang, Luyang telah dipanjangkan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) pada 28 Ogos 2014 dan pihaknya mencadangkan projek ini dimohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bersama-sama projek-projek Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang lain.

Sehubungan itu, Jabatan telah menyenaraikan projek pembinaan bangunan letak kenderaan di Taman Foh Sang, Luyang dalam permohonan projek RMKe-11 dan akan dibentangkan kepada pihak UPE, JPM untuk kelulusan.

Bagi status pelaksanaan projek tempat letak kenderaan di depan Klinik Kesihatan Luyang, projek ini sedang dilaksanakan dengan kos projek RM450,000.00 dengan peratus kemajuan sebanyak 25%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015